

# Pupuk Pengawas Idea Yang Bina Masyarakat

Azhar Ibrahim Alwee

Dalam buku, *Who Shall Guard the Guardian?* (1959) tulisan Pitirim A. Sorokin dan Walter A. Lunden, timbul soalan asas - siapa yang harus mengawasi pemerintah/kerajaan? Dalam konteks demokrasi, tentulah ada institusi dan perundangan yang terbina untuk membatasi salah guna kuasa, termasuk kuasa mengundi dan persaingan parti-parti politik.

Hal yang ditimbulkan itu serupa dengan mengajukan persoalan: Siapa yang akan mengawasi pengawas idea (gatekeeper) dalam masyarakat?

Sesungguhnya idea dan pemikiran tidak wujud dalam kekosongan. Kita harus kenal pasti dulu peranan manusia. Suasana dan semangat demokratik dan sivik tidak akan terbangun jika berlangsung pemencilan dan penyapan idea dan pemikiran dalam sesebuah masyarakat.

Umumnya pengawas idea boleh wujud dalam pelbagai segi dan sifat. Mereka menjadi penentu sama ada sesuatu idea itu boleh diterima dan disebarkan di ruang publik atau idea itu harus disekat, disenyap ataupun ditentang.

Jika para cerdik pandai bertanggungjawab mengupas dan merenung idea dan masalah dalam masyarakat, kelompok pengawas idea menentukan sama ada gagasan idea yang digarap itu dapat sampai kepada khalayak yang lebih besar.

Pengawas idea boleh saja ditemui dalam kalangan para ahli akademik, guru, ulama, asatizah, pengkaji dan pengamat bidang sastera, sains sosial dan ilmu kemanusiaan. Bahkan para penyelidik eksekutif dalam badan-badan awam dan pertubuhan bukan pemerintah (NGO) juga boleh menjadi pengawas idea. Tentu sekali golongan wartawan dan sidang penyunting media cetak dan elektronik harus diambil kira.

Mereka ini semua boleh dipertanggungjawabkan sama ada mereka menyumbangkan ke arah membangunkan dan/atau melumpuhkan perkembangan dan penyebaran sesuatu idea dan pemikiran dalam masyarakat.

Ada beberapa sebab mengapa sesuatu idea itu berkembang atau tersekat. Di sinilah letaknya peranan para pengawas idea yang harus kita fahami:

Pertama mungkin disebabkan takut dengan bayang-bayang sendiri, terjadilah penapisan sendiri (self-censure). Ia dilakukan dek takut menyinggung pihak atasan.

Kedua ialah sikap mengampu kepada sesuatu pihak, guna mendapat perhatian dan restu mereka biarpun kelompok yang mahu dipertahankan itu tidak utuh dari segi inteleknya atau ideologinya.

Ketiga, bersangkutan dengan sikap tadi ialah jenis perwatakan sang pengawas itu sendiri. Sikap hipokrasi atau sikap bermuka-muka, iaitu lain di depan, tapi tergamak bertukar idea dan pemikiran agar sesuai diterima.

Keempat ialah tiadanya kepedulian yang teguh (substantif), walaupun mereka nampak dari luar sebagai cerdik pandai dalam masyarakat yang dipertanggungjawabkan untuk menghurai atau merungkai isu dan masalah masyarakat.

Kelompok pengawas idea juga menunjukkan beberapa ciri lain.

Kekerdilan intelektual mereka dapat disembunyikan di sebalik jawatan tinggi mereka. Sayangnya aura atau sosok jawatan itu memberi gambaran bahwa mereka itu 'sedang melakukan sesuatu'.

Sebaliknya hasil intelektual mereka tidak tekal (konsisten), bertompok-tompok dengan ajuan-ajuan yang tidak bernas dan serius.

Malah sikap intelektual mereka bersifat musiman - terlibat apabila sesuatu hal itu telah disebut orang lain, khasnya para pemimpin politik.

Mereka lebih senang mengiyakan atau menidakkan sebagaimana arus perdana itu menetapkannya.

Kupasan yang berhemah, menjangkau keluar daripada klise dan prejudis, tidak dapat dibangunkan. Lebih mengecewakan apabila persoalan moral, etika, dan intelektual dilihat dari perspektif birokrasi, bukan sebagai pemikir.

Sebagai 'pentadbir', mereka harus tegas berpragmatik dan tidak boleh mengungkapkan idea-idea yang dianggap 'sensitif' dan 'kontroversial'.

Malah lebih merugikan apabila pengawas idea hanya berserah kepada penggubal dasar untuk menentukan sama ada sesuatu idea itu boleh dipakai atau dianggap munasabah.

Inilah pengawas idea yang tidak berfungsi. Tugas mereka tentulah bukan untuk menyelesaikan masalah dengan sekelip mata, tetapi membenarkan ruang idea dan pemikiran yang kritis dan kreatif dapat diguna pakai demi mencari penyelesaian kepada sesuatu isu itu.

Lebih terpukul lagi, sudahlah mereka ini tidak ada selera intelektual yang tinggi, mereka beranggapan usaha seperti itu sebagai tidak berfaedah.

Jelasnya idea yang mereka awas itu hanya untuk menjaga kedudukan saja (status quo). Ia takut untuk membangkitkan idea kerana ada sesetengah pihak atasan dan berkepentingan akan tersinggung atau marah.

Maka sudah sampai masanya kita memberi perhatian serius kepada peranan pengawas idea. Dalam membangunkan masyarakat, tiada suatu kelompok yang akan terlepas daripada dinilai prestasi, amalan dan wawasan mereka.

Kita memerlukan pengawas idea yang ada selera intelektual untuk membenarkan idea, konsep dan ungkapan baru untuk masuk dalam wadah intelektual, sosial dan politik. Kelompok ini juga harus ada keberanian moral untuk mengupas sesuatu isu dengan hujah dan wacana yang boleh dipertanggungkan. Ini termasuk ada kesanggupan untuk berbicara berkenaan kebenaran dan hak dihadapan pihak pemerintah, tanpa rasa kerdil atau takut dikepil nanti.

Kalaupun mereka tidak dapat mengupasnya dengan baik, sekurang-kurangnya usah membatasi pihak lain untuk cuba merungkaikannya.

Pendek kata, setiap masyarakat itu perlukan pengawas idea yang berhemah dan berfungsi sebagai kelompok intelektual tanpa mudah terpengaruh oleh kepentingan politik, sama ada di pihak yang memerintah, atau di pihak pembangkang.

Kehadiran mereka yang bermakna, bertanggungjawab dan berhemah dapat memastikan keberlangsungan idea dan pemikiran yang bermutu dalam masyarakat.

Pengawas idea mencorakkan apa yang berlaku sekarang dan di hari muka. Tingkat dan mutu demokrasi dan sivik kita boleh mereka corakkan.

Cerdik pandai dan masyarakat awam harus sedar akan perkara ini dan memantau pengawas idea. Ini suatu tugas yang tidak boleh diperlekehkan.

\*\*\*\*\*

[Artikel ini telah disiarkan di Berita Harian, 15 November 2007.]